



GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN IBADAH KORBAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19
NEGERI MELAKA

Disediakan oleh
Jabatan Mufti Negeri Melaka

KANDUNGAN

- 1. Tujuan**
- 2. Latar Belakang**
- 3. Objektif**
- 4. Panduan Pelaksanaan**
 - 4.1 Tempat Pelaksanaan Sembelihan Korban**
 - 4.2 Waktu Operasi**
 - 4.3 Kehadiran Petugas**
 - 4.4 Pelaksanaan Penyembelihan Korban**
 - 4.5 Agihan Bahagian Peserta Korban**
 - 4.6 Pemeriksa Daging Oleh DVS**
 - 4.7 Kawalan Penularan dan Jangkitan**
- 5. Penutup**

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN IBADAH KORBAN DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada umat Islam di Negeri Melaka melaksanakan ibadah korban dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Ibadah korban dilaksanakan oleh umat Islam apabila tiba Hari Raya Aidiladha. Pada kebiasaannya, ibadah korban diadakan di masjid dan surau secara bergotong-royong menyembelih, melapah, memasak dan seterusnya mengagih-agihkan daging korban tersebut kepada mereka yang berhak.

2.2 Memandangkan negara masih lagi dalam usaha menangani wabak pandemic COVID-19, YAB Perdana Menteri pada 7 Jun 2020 telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada 10 Jun 2020 bersamaan 18 Syawal 1441 hingga 31 Ogos 2020 bersamaan 12 Muharam 1441.

2.3 Pengumuman ini secara tidak langsung memberi isyarat bahawa Aidiladha yang jatuh pada 31 Julai 2020 bersamaan 10 Zulhijjah 1441 akan disambut dalam tempoh seluruh negara masih lagi terikat dengan PKPP. Sehubungan itu, semua aktiviti yang dilaksanakan dalam tempoh ini perlu mematuhi peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

2.4 Garis panduan ini disediakan bersama antara Jabatan Mufti, Jabatan

Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Agama Islam Negeri Melaka sebagai rujukan dan panduan kepada masyarakat Islam negeri ini untuk melaksanakan ibadah korban.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Sebagai panduan kepada masyarakat Islam di negeri Melaka melaksanakan ibadah korban dalam tempoh PKPP;
- 3.2 Melaksanakan ibadah korban yang menjadi syiar Islam mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa dan *standard operating prosedur* (SOP) yang ditetapkan; dan
- 3.3 Melatih dan membiasakan masyarakat dengan kawalan sendiri dan norma baharu kehidupan.

4. PANDUAN PELAKSANAAN

4.1 Tempat Pelaksanaan Sembelihan Korban

- a. Pelaksanaan ibadah korban dalam tempoh PKPP adalah dibenarkan kecuali kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Zon Merah. Namun begitu ianya bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa negeri atas nasihat KKM dan MKN untuk tujuan pelaksanaan.
- b. Ibadah korban semasa PKPP COVID-19 boleh dilaksanakan di lokasi penyembelihan berikut;
 - i. Rumah Sembelihan (*Abatoir*) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) iaitu:

Kompleks Abatoir Jasin
Batu 181/2, Jalan Bukit Kepok
77300 Merlimau

Tel: 06-2632854

Kompleks Abatoir Alor Gajah
KM32, Kg Paya Rumput
78300 Masjid Tanah

Tel: 06-3540046

- ii. Rumah Penyembelihan Ruminan Swasta yang dilesenkan oleh DVS iaitu:

Abdullah Sulaiman
Bt. 8, Bukit Tembakau
77300 Umbai
Melaka

Tel: 06-2619211
014-6666760

Md Yusni Abu Bakar
Sykt Utama Megah Ent.
Lot 665, Sungai Putat
75350 Batu Berendam
Melaka

Tel: 019-6699084
019-6669084

- iii. Masjid, surau, kawasan awam dan persendirian dibenarkan dengan **kelulusan** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (*Lampiran A*) dan **dimaklumkan** kepada Pejabat Kesihatan Daerah (*Lampiran B*) yang terdekat.

4.2 Waktu Operasi

Selepas Solat Sunat Aidiladha dan tiga (3) hari Tasyrik iaitu pada:

TARIKH	MASA
31 Julai 2020 (10 Zulhijjah 1441)	Selepas solat hingga 6.00 petang
1 Ogos 2020 (11 Zulhijjah 1441)	7.00 pagi hingga 6.00 petang
2 Ogos 2020 (12 Zulhijjah 1441)	
3 Ogos 2020 (13 Zulhijjah 1441)	

4.3 Kehadiran Petugas

- a. Petugas terdiri dari warganegara sahaja.
- b. Petugas yang dipilih hendaklah sihat, tidak bergejala dan bukan pengidap penyakit kronik atau kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.
- c. *Person Under Investigation* (PUI) dan *Person Under Surveillance* (PUS) tidak dibenarkan hadir.
- d. Bilangan kehadiran mengikut kesesuaian kawasan dan tempat dengan penjarakan sosial dan mengelakkan elemen 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat).

JENIS HAIWAN	BIL. PETUGAS
Lembu / kerbau	10 orang/setiap seekor
Kambing	4 orang/setiap seekor

4.4 Pelaksanaan Penyembelihan Korban

- a. Perlu dimaklumkan melalui telefon ke Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat.
- b. Perlu mendapat Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dari mana-mana Pejabat Veterinar Daerah/kawasan berdekatan.
- c. Perlu mendapat permit penyembelihan ternakan dari rumah sembelih jabatan atau Pejabat Veterinar Daerah/kawasan berdekatan. Permohonan permit hendaklah dibuat dua minggu sebelum tarikh sembelihan.
- d. Peserta yang mengambil bahagian dalam melakukan ibadah korban digalakkan mewakilkan kepada penyembelih atau wakil yang dilantik.

- e. Proses penyembelihan, lapah dan keratan asas dilaksanakan di rumah sembelihan atau lokasi yang dibenarkan.
- f. Proses lapah dan proses keratan pembahagian daging korban hendaklah dibuat di tempat yang lapang dan tidak menyebabkan berlaku kesesakan.
- g. Aktiviti menyembelih, melapah dan memotong yang melibatkan perhimpunan hendaklah mengambil kira aspek menghindari 3S dan mengamalkan penjarakan sosial.
- h. Pihak penganjur hendaklah memastikan bilangan korban adalah bersesuaian dengan keupayaan bilangan petugas yang dilantik dan perlu memelihara kebajikan binatang sembelihan.
- i. Penyembelihan dan agihan hendaklah dibuat mengikut panduan syarak dan matlamat ibadah korban itu sendiri.
- j. Sebarang bentuk majlis jamuan dan kenduri perlu mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.

4.5 Agihan Bahagian Peserta Korban

- a. Pengagihan daging korban kepada peserta yang mengambil bahagian dan fakir miskin hendaklah dibuat melalui penghantaran secara langsung dari rumah ke rumah.
- b. Tiada pengambilan agihan di tempat sembelihan.

4.6 Pemeriksa Daging Oleh DVS

Pemeriksa daging DVS akan memastikan proses penyembelihan yang dijalankan mematuhi Kaedah-Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban.

4.7 Kawalan Penularan dan Jangkitan

- a. Lokasi penyembelihan awam perlu mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rekod kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan dalam buku kehadiran.
- b. Penganjur wajib menyediakan pelitup muka (*face mask*) dan sarung tangan.
- c. Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter.
- d. Mengelakkan daripada 3S iaitu Sesak (*crowded area*), Sempit (*confined area*) dan Sembang dekat (*close conversation*).
- e. Penganjur dan petugas diminta mengutamakan keselamatan dan kebersihan sebelum, semasa dan selepas penyembelihan.

5. PENUTUP

Semua pihak yang melaksanakan ibadah korban di negeri Melaka perlu mematuhi garis panduan ini bagi mengawal penularan pandemik COVID-19.

LAMPIRAN A

SENARAI PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR DAERAH DAN KAWASAN

1. Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Daerah Melaka Tengah
Jalan Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya
75450 Melaka
Tel: 06-2320273
2. Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Daerah Alor Gajah
Jalan Pengkalan, Alor Gajah
78000 Alor Gajah
Tel: 06-5561249
3. Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Daerah Jasin
Jalan Surau
77000 Jasin
Tel: 06-5291252
4. Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Kawasan Merlimau
Jalan Batu Gajah
77300 Merlimau
Tel: 06-2631246
5. Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Kawasan Masjid Tanah
Batu 16, Jalan Solok Duku
78300 Masjid Tanah
Tel: 06-3845750

SENARAI PEJABAT KESIHATAN DAERAH

- | | |
|---|-----------------|
| 1. Pejabat Kesihatan Melaka Tengah
Jalan Bukit Baru, 75150, Melaka | Tel: 06-2813353 |
| 2. Pejabat Kesihatan Alor Gajah
78000 Alor Gajah Melaka | Tel: 06-5566235 |
| 3. Pejabat Kesihatan Jasin
77000 Jasin, Melaka | Tel: 06-5295433 |

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama:

1. Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Korban, Bilangan 2, Tahun 2013, terbitan JAKIM.
2. Kaedah-Kaedah Binatang (kawalan Penyembelihan) 2009.
3. Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
4. Arahan-arahan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan PKPP.